

03/01/2003

ATM sedia pertahan kedaulatan

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Khamis - Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan menggunakan segala kekuatannya bagi mempertahankan kedaulatan negara jika ada negara cuba melaksanakan doktrin pertahanan hadapan atau tindakan awalan sehingga mencabul persempadanan wilayah darat, laut dan udara negara.

"Kita (ATM) akan menggunakan segala kekuatan untuk mempertahankan kedaulatan negara sekiranya ada negara yang mahu melaksanakan forward defence atau pre-emptive strike."

"Kita beri amaran yang jelas. Kita tidak akan membenarkan walau setapak (tanah) negara kita dicabuli mana-mana pihak luar," kata Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak kepada pemberita pada sidang media di Kementerian Pertahanan, hari ini.

Beliau memberi jaminan ATM mempunyai perancangan ketenteraan yang teliti jika negara menghadapi sebarang ancaman dari mana-mana negara jiran akibat pelaksanaan doktrin pertahanan yang mencabul Malaysia.

Najib berkata demikian ketika diminta mengulas pendedahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai ada negara tertentu yang disyaki merancang menjadikan Malaysia sebagai lokasi pertahanan hadapan sebagai strategi mengelak peperangan berlaku di negaranya.

Dr Mahathir ketika diminta mengulas lanjut mengenai perutusannya sempena Tahun Baru 2003 kelmarin, tanpa menamakan negara terbabit, memberi amaran bahawa negara tidak akan berdiam diri dan akan mempertahankan kedaulatannya jika negara itu melancarkan strategi berkenaan.

Dalam perutusan itu, Perdana Menteri antara lain memberi amaran keras, negara akan bertindak balas dan menegaskan jika ada negara mencabul kebebasan negara melalui tindakan awalan atau pertahanan hadapan, negara terbabit akan menerima padah.

Najib berkata, sebarang alasan yang mungkin digunakan oleh negara lain untuk melancarkan tindakan awalan kerana masalah keselamatan dalaman negara ini tidak boleh diterima kerana pasukan keselamatan yang ada berupaya mengatasi sebarang ancaman dengan berkesan.

Beliau berkata, kerajaan akan terus membangunkan kemampuan ATM sejajar dengan kemampuan kewangan negara bagi membeli senjata dan sistem pertahanan yang baru.

Menjawab soalan sama ada kerajaan ada menerima laporan perisikan sama ada, ada negara jiran berniat untuk melakukan tindakan pertahanan hadapan, katanya, perkara itu mungkin benar kerana Dr Mahathir mempunyai asas membuat kenyataan sebegitu.

Bagaimanapun, katanya, hingga kini ATM tidak bercadang mengubah strategi pertahanan negara yang mana negara akan hanya mengambil sebarang tindakan sekiranya negara terbabit melaksanakan konsep tindakan awalan dan pertahanan hadapan yang mencabuli kedaulatan negara.

Menjawab satu soalan, katanya kerajaan bukan tidak mahu bertindak tegas dalam menyelesaikan sebarang isu dua hala dengan mana-mana negara jiran tetapi tindakan diplomatik perlu diambil bagi mengelakkan sebarang konflik pertahanan sehingga mencetuskan pertempuran dengan mana-mana negara.